



## KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

### KENYATAAN AKHBAR YB. MENTERI KERJA RAYA PROJEK MENAIKTARAF PERSIMPANGAN BERTINGKAT SG. ULAR KE PERSIMPANGAN PELABUHAN KUANTAN, PAHANG

Projek Menaiktaraf Persimpangan Bertingkat Sg. Ular Ke Persimpangan Pelabuhan Kuantan, Pahang sepanjang 2.65 km merupakan sebahagian jajaran Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan 3 Dari Persimpangan Bertingkat Jabor-Jerangau Ke Persimpangan Bertingkat Sg. Ular, Kuantan, Pahang yang panjang keseluruhannya berjumlah 12.65km dengan anggaran kos berjumlah RM19.8 juta.

Projek menaiktaraf jalan ini adalah merupakan sebahagian daripada inisiatif Kerajaan Pusat dalam memperbaiki Jalan Persekutuan 3 (FR3) yang dilihat bakal menjadi pemangkin kepada kewujudan dan perkembangan Bandar Pelabuhan Kuantan (*Kuantan Port City* atau KPC). Projek yang telah dimulakan pembinaan pada 12 Julai 2012 ini dibina mengikut piawai JKR R5 jalan empat lorong dua hala (*dual-carriageway*) dengan ciri-ciri keselamatan yang tinggi. Kerja-kerja pembinaan dijangka mengambil masa selama 2 tahun dan dijadual siap pada 9 Julai 2014. Pada masa ini, kemajuan projek adalah dahului jadual iaitu 53.4% sebenar berbanding 52.3% jadual

Semoga apabila siapnya projek ini kelak, ia dapat member manfaat kepada penduduk di sekitarnya dan merancakkan lagi aktiviti ekonomi di kawasan ini.

Sekian, terimakasih

**YB. DATUK HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF  
MENTERI KERJA RAYA  
26 JANUARI 2014**

## **Maklumat Tambahan**

<b>Projek</b>	Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan 3 Dari Persimpangan Bertingkat Jabor-Jerangau Ke Persimpangan Bertingkat Sg. Ular, Kuantan, Pahang Darul Makmur.  Pakej 1: Persimpangan Bertingkat Sg. Ular Ke Persimpangan Pelabuhan Kuantan.
<b>Tarikh Mula</b>	: 12 Julai 2012
<b>Tarikh Siap Asal</b>	: 09 September 2014
<b>Tarikh Siap Semasa</b>	: 15 November 2014
<b>Kos Kontrak</b>	: RM 19,808,861.50
<b>Kontraktor</b>	: Syarikat Terbit Serba Boleh Sdn. Bhd.
<b>Skop Projek</b>	: Jalan baru empat (4) lorong dua (2) hala sepanjang 2.65 km  3 persimpangan berlampu isyarat
<b>2 vehicular box culvert (VBC)</b>	
<b>Kemajuan Kerja</b>	: 56.4% sebenar / 52.3% jadual